



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION  
FOR  
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE  
2024 SUPPLEMENTARY EXAMINATION**

**GENERAL PAPER**

**Monday, 11 November 2024**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.**

**Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.**

- 
- \* THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) QUESTIONS.**
  - \* ANSWER ALL THE QUESTIONS.**
  - \* GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 2 questions printed on 13 pages)**



**1. Answer ALL parts of this question**

May May (MM) runs a hairdressing saloon business (under the name and style of “MM’s Hairdressing Salon”) in Bangsar, Kuala Lumpur. Her customers range from those working around the vicinity and families who live in the area. One of her regular customers is King Kong (KK). KK has been MM’s customer for the last five (5) years. KK has built up his business (under the name and style of “KK Toiletries”) as a wholesaler of homecare and personal grooming products for the last ten (10) years. Although MM does not know the details of KK’s business, from their conversations over the years, she is aware that KK is in the wholesale business for these products.

On 31.5.2023, KK came to MM’s Hairdressing Saloon for his usual haircut. During the haircut, KK and MM struck up a conversation. KK informed MM that he had just obtained a three-year contract for the distribution of toiletry products to three (3) different hotels. The three-year contract required KK to supply shampoo, bath gel and body lotion products. MM was immediately interested and asked KK if she could participate in the business as she would be able to source a supply of shampoo products. KK felt that it would be a right fit for his new contract and accordingly agreed to include MM in the business.

KK informed MM that he would need a supply of good quality shampoo every month in the form of 50 ml packs to be placed in the hotel bathrooms. The shampoo packs would carry the brand name “KK Shampoo”. KK would need MM to supply 60,000 of these mini-packed shampoo products every month, starting from 1.11.2023. For these supplies, KK Toiletries would pay MM’s Hairdressing Salon a monthly sum of RM300,000.00. MM immediately agreed. No written agreement was signed by the parties.

MM then contacted BShampoo Sdn. Bhd. (“BShampoo”). BShampoo has been supplying shampoo to MM for her business for the last two (2) years. BShampoo agreed to supply MM with 60,000 (50 ml) mini packs of shampoo for RM4.50 per pack (amounting to RM270,000.00 for 60,000 bottles) from 1.11.2023.

Matters went smoothly for about four (4) months. However, due to the declining exchange rate of the Malaysian Ringgit to the U.S. Dollar, on 5.3.2024, BShampoo informed MM that it could no longer supply the bottled shampoo at RM4.50 per pack and that effective from 1.4.2024, it would increase the price to RM5.50 per pack. At 60,000 packs a month, the monthly cost to MM would be RM330,000.00.

On 10.3.2024, MM called KK to inform him that unless he (KK) increased the monthly payments to MM from RM300,000.000 to RM360,000.00, MM could no longer supply the shampoo to KK. KK was furious and informed MM that he would commence legal proceedings against MM if she did not continue with the supply of the shampoo.

As KK did not agree to pay MM the increased amount of RM360,000.00, MM stopped supplying the packed shampoo to KK from 1.4.2024. As a result, KK could not fulfil his contractual obligations to supply the shampoo to the three (3) hotels. Due to KK's failure to supply the shampoo, the three (3) hotels decided to terminate the agreement with KK for the supply of the toiletry products.

As a consequence of the termination of the supply contract to the three (3) hotels, KK has suffered losses of revenue amounting to RM1 million a month from 1.4.2024. KK's other customers, such as those from other hotels and gymnasium operators, have informed him (KK) that they have heard that his contract with the three (3) hotels has been terminated, and as a consequence, they would stop doing business with him.

KK now comes to see you and seeks your advice.

(a) **Discuss whether KK has a claim for breach of contract against MM.**

**(10 marks)**

(b) **If KK has a claim for breach of contract against MM, advise KK as to what remedies are available and the types of damages that he may claim against MM.**

**(25 marks)**

(c) **Settle a Statement of Claim on behalf of KK.**

**(15 marks)**

**2. Answer ALL parts of this question**

Mrs Alam sees you to seek your advice on the following incident:

“My daughter Chin May (6 years old) and I stay at Setia Heights, Seremban. Once in a while, we walk up the hill where Setia Heights is located. This hill is popular for hiking. However, at times, there are monkeys on the path to the top of the hill. To stop monkeys from disturbing us, I usually carry a stick which is around one (1) metre long.

On 27.4.2022 at around 6.00 p.m., my daughter and I went hiking. On our way down the hill, we passed by the house of Madam Wong. Madam Wong has a Rottweiler. That Rottweiler is 4 feet tall but when it stands on his hind legs, it becomes around 6 to 7 feet tall.

While we were passing Madam Wong’s house, all of a sudden, Madam Wong’s Rottweiler came out and started to attack my daughter. I tried to stop the dog from attacking Chin May by using the stick that I was carrying but was unsuccessful. I then protected my daughter by hugging her and shielding her from the attack by Madam Wong’s dog.

While shielding my daughter, Madam Wong’s dog continued to bite me. I remember feeling a lot of pain and I was shouting at the top of my lungs. Luckily,

some of the people residing in the neighbouring houses came to assist me. At the same time, Madam Wong came out and tried to pull her dog back to her house.

My daughter and I were rushed to the Seremban General Hospital. I have brought the medical report from Seremban General Hospital. My daughter and I were not given immediate treatment at the Seremban General Hospital. So I sought to be transferred to a private hospital, i.e. Columbia Asia Hospital.

I was admitted to Columbia Asia Hospital just before midnight on the same day and, on the next day, I underwent emergency surgery. I was discharged on 3.5.2022. I have also brought along the medical report. I have undergone numerous sessions of physiotherapy but still suffer from post-concussion headaches.

My daughter also suffered from an acute stress disorder and had laceration wounds from the bites.

I have found out that Madam Wong's dog was unlicensed at the time of the incident and that Madam Wong pleaded guilty under section 289 of the Penal Code for negligence with respect to her dog and was fined RM1,500.00. I have also discovered that Madam Wong's outside gate is merely 4 feet high and her Rottweiler managed to push the gate open.

I am a beautician and have not been able to work since the incident. I was earning RM8,000.00 a month prior to the incident, out of which I spent RM3,000.00 on myself and my daughter."

The following documents were given to you:

- (i) Police report of Mrs Alam;
- (ii) Mrs Alam's medical report from Seremban General Hospital;
- (iii) Mrs Alam's medical report from Columbia Asia Hospital; and
- (iv) Chin May's medical report from Columbia Asia Hospital.

- (a) **You are to comprehensively advise on the possible causes of action that arise. Your advice should also indicate any defences as to liability available to any person or persons identified as prospective defendant or defendants.**

**(10 marks)**

- (b) **How far is the guilty plea relevant to the cause of action?**

**(5 marks)**

- (c) **If you come to the conclusion that there is a cause of action available, you are to advise on the various items of damages claimable as a result of the incident, explaining carefully how such damages are assessed by the Court. You are to advise on the principle relevant to the assessment of damages in this case.**

**(15 marks)**

- (d) **Settle a Statement of Claim to be filed against the party liable for such damages.**

**(20 marks)**

**APPENDIX A****POLICE REPORT**

POLICE STATION	:	SEREMBAN
PERSON MAKING REPORT	:	ALAM YAP
DATE & TIME OF REPORT	:	28.4.2022
GENDER	:	FEMALE
AGE	:	36 YEARS OLD
OCCUPATION	:	BEAUTICIAN

---

At or around 7.25 p.m. on 27.4.2022, while I was walking back from hiking, my daughter and I were bitten by a Rottweiler belonging to the owner of house 1338 Setia Heights. When the dog tried to bite my daughter, I quickly shielded her. As a result, my daughter and I were bitten.

I shouted for help, and some of the neighbours came out and so too did the owner of the Rottweiler. My daughter and I were rushed to the Seremban General Hospital.

Sgd

.....

Alam Yap

**APPENDIX B****SEREMBAN GENERAL HOSPITAL****MEDICAL REPORT****Our Ref: 3333/2022****Date: 22.6.2022****Re: Medical Report of Alam Yap**

---

Alleged dog bites at around 7.25 p.m. on 27.4.2022 at Setia Heights area. The patient and her daughter were bitten by a dog. Post-incident, she complained of pain over the left upper limb, right hand and back of the head. Otherwise, denied any loss of consciousness, retrograde amnesia, ear, nose and throat (ENT) bleeding, nausea and vomiting.

The patient also suffered from post-concussion headaches and vestibular migraine.

Left upper limb:

- Multiple puncture wounds over left arm and forearm, no bone exposed
- Full range of motion, radial pulse palpable
- Unable to move left upper limb

Right upper limb:

- 1 puncture wound over palmar region of hand 0.5 x 0.5 cm, no bone exposed
- Full range of motion, radial pulse palpable

Treatment:

- Dressing over the wound
- Needs physiotherapy treatment

Patient at own risk discharged from the Hospital to a private healthcare centre.

Thank you.

Sgd

.....

Dr. Preshan (M.D)

**APPENDIX C****COLUMBIA ASIA HOSPITAL**  
**MEDICAL REPORT****Our Ref: 1822/2022****Date: 22.6.2022****Re: Medical Report of Alam Yap****Admission Date: 27.4.2022****Discharge Date: 3.5.2022**

---

Mrs Alam Yap was admitted to our hospital just before midnight on 27.4.2022 following an alleged attack and bite by a dog occurring on the evening of 27.4.2022. As a result of the incident, she sustained the following injuries:

1. Multiple puncture wounds at left shoulder and arm with breach of fascia and biceps muscles partial cut
2. Multiple puncture wounds at left forearm with breach of fascia and flexor muscle partial cut
3. Multiple puncture wounds at left hand over hypothenar eminence with partial cut of hypothenar muscle
4. Occipital scalp soft tissue injury

She was treated with intravenous antibiotics and analgesics. She underwent emergency surgery on the afternoon of 28.4.2022 whereby the following procedure was performed:

1. Wound exploration, debridement, washout, biceps muscle repair and primary suture for left shoulder and arm;
2. Wound exploration, debridement, washout, flexor muscle repair and primary suture of left forearm;
3. Wound exploration, debridement, washout, hypothenar muscle repair and primary suture of left hand.

She was discharged well on 3.5.2022 and was advised to attend regular wound dressing as outpatient following assessment and physiotherapy for at least one (1) year.

Thank you.

Sgd

.....

Dr. Prisha

**APPENDIX D****COLUMBIA ASIA HOSPITAL**  
**MEDICAL REPORT****Our Ref: 1855/2022****Date: 17.10.2022****Re: Medical Report of Chin May**

---

---

Chin May was involved in an incident of a rottweiler dog bite near Setia Heights, Seremban on 27.4.2022. I saw her on 29.4.2022 in the ward, where her mother was admitted after the incident.

She was walking with her mother, and all of a sudden, they were chased by a Rottweiler dog from a nearby house. She was protected by her mother from being bitten by the Rottweiler. She sustained some laceration wound following the incident. Initial treatment was done in the casualty department at Seremban General Hospital.

Chin May was in extreme fear and traumatized after the incident, although physically suffered only a laceration wound over the left elbow. She was able to sleep and her appetite was good. There was no neurological deficit detected.

On examination, she could answer questions well. There was a laceration wound over the left elbow, soft tissue swelling over the medial of the left elbow, tender to touch, other systems were normal.

My impression was:

1. Laceration wound post-Rottweiler attack
2. Acute stress disorder – stable in the company of mother and grandmother

There was no active management from me. She was advised to see a clinical psychologist to follow up on stress or possible post-traumatic stress disorder.

Thank you.

Sgd

.....

Dr. Prisha

**oOOo**



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN  
BAGI  
SIJIL AMALAN GUAMAN  
PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2024**

**KERTAS AM**

**Isnin, 11 November 2024**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi**

**Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari**

---

**\*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN.**

**\*JAWAB SEMUA SOALAN.**

**\*BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**

**\*KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH  
DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**

---

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan yang dicetak pada 14 muka surat)**



**1. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

May May (MM) menjalankan perniagaan salun mendandan rambut (atas nama dan gelaran “Salun Mendandan Rambut MM”) di Bangsar, Kuala Lumpur. Pelanggannya adalah dalam kalangan orang yang bekerja di sekitarnya dan keluarga yang tinggal di kawasan itu. Seorang daripada pelanggan tetapnya ialah King Kong (KK). KK telah menjadi pelanggan MM sejak lima (5) tahun yang lalu. KK telah membina perniagaannya (atas nama dan gelaran “Peralatan Mandian KK”) sebagai pemborong produk-produk penjagaan di rumah dan dandanan diri sejak sepuluh (10) tahun yang lalu. Walaupun MM tidak mengetahui perincian perniagaan KK, daripada perbualan mereka selama beberapa tahun, dia menyedari bahawa KK terlibat dalam perniagaan pemborongan bagi produk-produk itu.

Pada 31.5.2023, KK telah datang ke Salun Mendandan Rambut MM untuk memotong rambutnya seperti biasa. Semasa memotong rambut, KK dan MM telah memulakan perbualan. KK memberitahu MM bahawa dia baru sahaja mendapat suatu kontrak tiga tahun bagi pengedaran produk peralatan mandian kepada tiga (3) buah hotel yang berlainan. Kontrak tiga tahun itu menghendaki KK untuk membekalkan produk syampu, gel mandian dan losyen badan. MM terus berminat dan bertanya kepada KK jika dia boleh menyertai perniagaan itu kerana dia mampu untuk mendapatkan sumber bagi pembekalan produk syampu. KK merasakan bahawa ia adalah sesuai bagi kontrak baharunya dan dengan sewajarnya telah bersetuju untuk memasukkan MM ke dalam perniagaan itu.

KK memberitahu MM bahawa dia memerlukan pembekalan syampu yang mempunyai kualiti yang baik pada setiap bulan dalam bentuk pek 50 ml untuk diletakkan di dalam bilik mandi hotel. Pek syampu itu akan menggunakan jenama “Syampu KK”. KK memerlukan MM untuk membekalkan 60,000 produk syampu pek mini itu setiap bulan, mulai dari 1.11.2023. Bagi pembekalan itu, Peralatan Mandian KK akan membayar Salun Mendandan Rambut MM suatu jumlah wang bulanan sebanyak RM300,000.00. MM dengan segera bersetuju. Tiada perjanjian bertulis ditandatangani oleh pihak-pihak itu.

Kemudiannya MM telah menghubungi BShampoo Sdn. Bhd. (“BShampoo”). BShampoo telah membekalkan syampu kepada MM bagi perniagaannya sejak dua (2) tahun yang lalu. BShampoo bersetuju untuk membekalkan 60,000 (50 ml) syampu pek mini kepada MM dengan harga RM4.50 setiap pek (yang berjumlah RM270,000.00 bagi 60,000 botol) mulai dari 1.11.2023.

Perkara itu berjalan dengan lancar selama lebih kurang empat (4) bulan. Walau bagaimanapun, disebabkan penurunan kadar pertukaran Ringgit Malaysia kepada Dolar U.S., pada 5.3.2024, BShampoo telah memberitahu MM bahawa BShampoo tidak lagi boleh membekalkan syampu yang dibotolkan itu pada harga RM4.50 setiap pek dan bahawa berkuat kuasa mulai dari 1.4.2024, BShampoo akan menaikkan harga itu kepada RM5.50 setiap pek. Dengan 60,000 pek sebulan, kos bulanan kepada MM akan menjadi RM330,000.00.

Pada 10.3.2024, MM telah menghubungi KK untuk memberitahunya bahawa melainkan jika dia (KK) menaikkan bayaran bulanan kepada MM daripada RM300,000.000 kepada RM360,000.00, MM tidak lagi boleh membekalkan syampu itu kepada KK. KK menjadi berang dan memberitahu MM bahawa dia akan memulakan prosiding undang-undang terhadap MM jika dia tidak meneruskan pembekalan syampu itu.

Oleh sebab KK tidak bersetuju untuk membayar amaun yang dinaikkan sebanyak RM360,000.00 itu kepada MM, MM telah berhenti membekalkan syampu yang dipek itu kepada KK mulai dari 1.4.2024. Akibatnya, KK tidak boleh memenuhi obligasi kontraknya untuk membekalkan syampu itu kepada tiga (3) buah hotel itu. Disebabkan kegagalan KK untuk membekalkan syampu itu, ketiga-tiga hotel itu memutuskan untuk membatalkan perjanjian dengan KK bagi pembekalan produk peralatan mandian itu.

Akibat daripada pembatalan kontrak pembekalan kepada tiga (3) buah hotel itu, KK telah menanggung kerugian hasil yang berjumlah RM1 juta sebulan mulai dari 1.4.2024. Pelanggan KK yang lain, seperti hotel dan pengendali gimnasium lain,

telah memberitahunya (KK) bahawa mereka telah mendengar bahawa kontraknya dengan tiga (3) buah hotel itu telah ditamatkan, dan akibatnya, mereka akan berhenti menjalankan perniagaan dengannya.

Sekarang KK datang berjumpa dengan anda dan meminta nasihat anda.

(a) **Bincangkan sama ada KK mempunyai tuntutan bagi kemungkiran kontrak terhadap MM.**

**(10 markah)**

(b) **Jika KK mempunyai tuntutan bagi kemungkiran kontrak terhadap MM, berikan nasihat kepada KK tentang apakah remedi yang tersedia dan jenis ganti rugi yang boleh dituntutnya terhadap MM.**

**(25 markah)**

(c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan bagi pihak KK.**

**(15 markah)**

**2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Puan Alam berjumpa anda untuk meminta nasihat anda mengenai kejadian yang berikut:

“Saya dan anak perempuan saya Chin May (6 tahun) tinggal di Setia Heights, Seremban. Sekali sekala, kami berjalan mendaki bukit di mana terletaknya Setia Heights. Bukit ini terkenal bagi pendakian. Walau bagaimanapun, kadang kala, terdapat monyet-monyet pada laluan ke puncak bukit itu. Untuk menghentikan monyet-monyet itu daripada mengganggu kami, kebiasaannya saya membawa sebatang kayu lebih kurang satu (1) meter panjang.

Pada 27.4.2022 lebih kurang pukul 6.00 petang, saya dan anak perempuan saya telah pergi mendaki. Dalam perjalanan kami menuruni bukit, kami telah melintasi

rumah Madam Wong. Madam Wong mempunyai seekor Rottweiler. Rottweiler itu 4 kaki tingginya tetapi apabila anjing itu berdiri atas kaki belakangnya, ia menjadi lebih kurang 6 hingga 7 kaki tingginya.

Semasa kami melintasi rumah Madam Wong, secara tiba-tiba, Rottweiler Madam Wong telah keluar dan mula menyerang anak perempuan saya. Saya cuba untuk menghentikan anjing itu daripada menyerang Chin May dengan menggunakan kayu yang saya bawa tetapi tidak berjaya. Kemudiannya, saya telah melindungi anak perempuan saya dengan memeluknya dan melindunginya daripada serangan anjing Madam Wong.

Semasa melindungi anak perempuan saya, anjing Madam Wong terus menggigit saya. Saya teringat berasa sangat sakit dan saya telah menjerit sekuat hati. Nasib baik, sebahagian orang yang tinggal di rumah di kawasan kejiranan itu telah datang untuk membantu saya. Pada masa yang sama, Madam Wong telah keluar dan cuba untuk menarik anjingnya balik semula ke rumahnya.

Saya dan anak perempuan saya telah dikejarkan ke Hospital Besar Seremban. Saya telah membawa laporan perubatan daripada Hospital Besar Seremban. Saya dan anak perempuan saya telah tidak diberikan rawatan segera di Hospital Besar Seremban. Jadi saya telah memohon supaya dipindahkan ke hospital swasta, iaitu Hospital Columbia Asia.

Saya telah dimasukkan ke Hospital Columbia Asia sebaik sebelum tengah malam pada hari yang sama dan, pada keesokan harinya, saya telah menjalani pembedahan kecemasan. Saya telah dibenarkan keluar dari hospital pada 3.5.2022. Saya juga telah membawa bersama laporan perubatan itu. Saya telah menjalani banyak sesi fisioterapi tetapi masih mengalami sakit kepala pascakonkusi.

Anak perempuan saya juga mengalami gangguan tekanan akut dan mempunyai luka terkoyak daripada gigitan anjing itu.

Saya mendapati bahawa anjing Madam Wong tidak berlesen pada masa kejadian itu dan bahawa Madam Wong telah mengaku bersalah di bawah seksyen 289 Kanun Keseksan bagi kecuaiian berhubung dengan anjingnya dan telah didenda RM1,500.00. Saya juga mendapat tahu bahawa pagar luar Madam Wong hanya 4 kaki tinggi dan Rottweilernya telah berjaya menolak pagar itu sehingga terbuka.

Saya seorang pakar kecantikan dan tidak mampu untuk bekerja sejak kejadian itu. Saya telah memperoleh pendapatan RM8,000.00 sebulan sebelum kejadian itu, yang daripada jumlah itu saya telah membelanjakan RM3,000.00 untuk diri saya sendiri dan anak perempuan saya.”

Dokumen yang berikut telah diberikan kepada anda:

- (i) Laporan polis Puan Alam;
- (ii) Laporan perubatan Puan Alam daripada Hospital Besar Seremban;
- (iii) Laporan perubatan Puan Alam daripada Hospital Columbia Asia; dan
- (iv) Laporan perubatan Chin May daripada Hospital Columbia Asia.

(a) **Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat secara komprehensif mengenai kausa tindakan yang mungkin berbangkit. Nasihat anda sepatutnya juga menunjukkan apa-apa pembelaan tentang liabiliti yang tersedia kepada mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai bakal defendan atau defendan-defendan.**

**(10 markah)**

(b) **Sejauh manakah akuan bersalah berkaitan dengan kausa tindakan?**

**(5 markah)**

(c) **Jika anda membuat kesimpulan bahawa terdapat kausa tindakan yang tersedia, anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai pelbagai butiran ganti rugi yang boleh dituntut akibat daripada kejadian itu, yang menjelaskan dengan teliti bagaimana ganti rugi**

**sedemikian ditaksirkan oleh Mahkamah. Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai prinsip yang berkaitan dengan taksiran ganti rugi dalam kes ini.**

**(15 markah)**

- (d) Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk difailkan terhadap pihak yang bertanggung bagi ganti rugi itu.**

**(20 markah)**

**LAMPIRAN A****LAPORAN POLIS**

BALAI POLIS	:	SEREMBAN
ORANG YANG MEMBUAT LAPORAN	:	ALAM YAP
TARIKH & MASA LAPORAN	:	28.4.2022
JANTINA	:	PEREMPUAN
UMUR	:	36 TAHUN
PEKERJAAN	:	PAKAR KECANTIKAN

---

Pada atau lebih kurang pukul 7.25 malam pada 27.4.2022, semasa saya berjalan pulang daripada mendaki, saya dan anak perempuan saya telah digigit oleh seekor Rottweiler kepunyaan pemilik rumah 1338 Setia Heights. Apabila anjing itu cuba untuk menggigit anak perempuan saya, saya dengan cepatnya melindungi anak perempuan saya. Akibatnya, saya dan anak perempuan saya telah digigit.

Saya telah menjerit meminta pertolongan, dan beberapa jiran keluar dan begitu juga pemilik Rottweiler itu. Saya dan anak perempuan saya telah dikejarkan ke Hospital Besar Seremban.

T.t

.....  
Alam Yap

**LAMPIRAN B****HOSPITAL BESAR SEREMBAN****LAPORAN PERUBATAN****Ruj Kami: 3333/2022****Tarikh: 22.6.2022****Per: Laporan Perubatan Alam Yap**

---

---

Dakwaan gigitan anjing pada lebih kurang pukul 7.25 malam pada 27.4.2022 di kawasan Setia Heights. Pesakit dan anak perempuannya telah digigit oleh seekor anjing. Selepas kejadian, dia mengadu sakit pada anggota bahagian atas sebelah kiri, tangan kanan dan belakang kepala. Selainnya, menafikan apa-apa hilang kesedaran, amnesia retrograd, pendarahan telinga, hidung dan tekak (THT), loya dan muntah. Pesakit juga mengalami sakit kepala pascakonkusi dan migrain vestibul.

Anggota bahagian atas sebelah kiri:

- Luka tusuk berbilang pada lengan dan lengan bawah kiri, tiada tulang yang terdedah
- Gerakan penuh, nadi radial boleh dirasa
- Tidak mampu menggerakkan anggota bahagian atas sebelah kiri

Anggota bahagian atas sebelah kanan:

- 1 luka tusuk pada kawasan tapak tangan 0.5 x 0.5 cm, tiada tulang yang terdedah
- Gerakan penuh, nadi radial boleh dirasa

Rawatan:

- Mencuci dan membalut luka
- Memerlukan rawatan fisioterapi

Pesakit atas risikonya sendiri dibenarkan keluar daripada Hospital ke pusat jagaan kesihatan swasta.

Terima kasih.

T.t

.....

Dr. Preshan (M.D)

LAMPIRAN CHOSPITAL COLUMBIA ASIA

## LAPORAN PERUBATAN

**Ruj Kami: 1822/2022****Tarikh: 22.6.2022****Per: Laporan Perubatan Alam Yap****Tarikh Kemasukan: 27.4.2022****Tarikh Dibenarkan Keluar: 3.5.2022**

---

---

Puan Alam Yap telah dimasukkan ke hospital kami sebaik sebelum tengah malam pada 27.4.2022 berikutan serangan dan gigitan yang dikatakan oleh seekor anjing yang berlaku pada malam 27.4.2022. Akibat daripada kejadian itu, dia telah mendapat kecederaan yang berikut:

1. Luka tusuk berbilang pada bahu dan lengan kiri dengan fascia terkoyak dan luka separa pada otot biceps
2. Luka tusuk berbilang pada lengan bawah kiri dengan fascia terkoyak dan luka separa pada otot fleksor
3. Luka tusuk berbilang pada tangan kiri atas eminens hipotendar dengan luka separa pada otot hipotendar
4. Kecederaan tisu lembut kulit kepala oksipital

Dia telah dirawat dengan antibiotik intravena dan analgesik. Dia telah menjalani pembedahan kecemasan pada petang 28.4.2022 yang prosedur berikut telah dilaksanakan:

1. Peninjauperiksaan luka, debridemen, pencucian, pembaikan otot biceps dan jahitan utama pada bahu dan lengan kiri;
2. Peninjauperiksaan luka, debridemen, pencucian, pembaikan otot fleksor dan jahitan utama pada lengan bawah kiri;

3. Peninjauperiksaan luka, debridemen, pencucian, pembaikan otot hipotenar dan jahitan utama pada tangan kiri.

Dia telah dibenarkan keluar dalam keadaan sihat pada 3.5.2022 dan telah dinasihatkan untuk hadir mencuci dan membalut luka dengan kerap sebagai pesakit luar sesudah penilaian dan hadir fisioterapi sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun.

Terima kasih.

T.t

.....

Dr. Prisha

**LAMPIRAN D****HOSPITAL COLUMBIA ASIA****LAPORAN PERUBATAN****Ruj Kami: 1855/2022****Tarikh: 17.10.2022****Per: Laporan Perubatan Chin May**

---

---

Chin May telah terlibat dalam suatu kejadian digigit seekor anjing rottweiler berhampiran Setia Heights, Seremban pada 27.4.2022. Saya melihat dia pada 29.4.2022 di dalam wad di mana ibunya telah dimasukkan selepas kejadian itu.

Dia sedang berjalan dengan ibunya, dan secara tiba-tiba, mereka telah dikejar oleh seekor anjing Rottweiler dari sebuah rumah yang berdekatan. Dia telah dilindungi oleh ibunya daripada digigit oleh Rottweiler itu. Dia mengalami beberapa luka terkoyak berikutan kejadian itu. Rawatan awal telah dibuat di wad kecederaan di Hospital Besar Seremban.

Chin May berada dalam keadaan ketakutan yang melampau dan mengalami trauma selepas kejadian itu, walaupun secara fizikalnya hanya mengalami luka terkoyak pada siku kiri. Dia boleh tidur dan selernya adalah bagus. Tiada defisit neurologi dikesan.

Semasa pemeriksaan, dia boleh menjawab soalan dengan baik. Terdapat luka terkoyak pada siku kiri, tisu lembut yang bengkak pada tengah siku kiri, sakit apabila disentuh, sistem lain adalah normal.

Tanggapan saya ialah:

1. Luka terkoyak selepas serangan Rottweiler
2. Gangguan tekanan akut – stabil apabila ditemani oleh ibu dan nenek

Tiada pengurusan aktif daripada saya. Dia telah dinasihatkan untuk berjumpa dengan ahli psikologi klinikal untuk membuat susulan mengenai tekanan atau gangguan tekanan pascatrauma yang mungkin.

Terima kasih.

T.t

.....

Dr. Prisha

oOOo